

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	31 DECEMBER 2016

Nasihat kepada bekas PM jika mahu rakyat hormati sebagai negarawan

Pulanglah ke pangkal jalan

um - 31/12/2016

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
utusankelantan@utusan.com.my

■ KOTA BHARU 30 DIS.

BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad diminta kembali ke pangkal jalan sekiranya mahu rakyat menghormatinya sebagai seorang negarawan yang banyak berjasa kepada negara.

Ketua Penerangan Badan Perubungan UMNO negeri, Datuk Md. Alwi Che Ahmad berkata, tidak tanduk Dr. Mahathir dilihat semakin keterlaluan terutama apabila mengibaratkan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) sebagai rasuah.

“BR1M ini bantuan kerajaan, kenapa hendak jadi isu, kenapa hendak kata haram, rasuah.

“Takkan bagi bantuan kepada rakyat itu rasuah,” katanya selepas majlis Penyampaian Bantuan Persekolahan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kok Lanas di Kedai Ketereh di sini hari ini.

Baru-baru ini, Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) membuat dakwaan dengan menyamakan pemberian BR1M dengan rasuah ketika berucap dalam program ceramah di Taman Wira Merong, Alor Setar, Kedah.

Berikutan itu, pelbagai pihak



AHLI Dewan Undangan Negeri kawasan Ketereh, Datuk Md. Alwi Che Ahmad (dua dari kiri) memilihkan pakaian sekolah baharu kepada tiga pelajar miskin di Ketereh, Kota Bharu, Kelantan, semalam. - UTUSAN/ROSNI MASRI

termasuk beberapa mufti menyifatkan dakwaan Dr. Mahathir itu tidak berasas kerana BR1M merupakan pemberian kepada rakyat dan bermanfaat kepada golongan sasaran.

Malah, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) turut menyangkal dakwaan tersebut memandangkan pemberian BR1M merupakan polisi yang ditetapkan kerajaan untuk kesejahteraan

rakyat.

Sementara itu, Md. Alwi turut menasihatkan Dr. Mahathir supaya berhenti daripada terus menyerang kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

“Cukup-cukuplah kalau tidak suka Najib, berkempenlah pada pilihan raya nanti. Jangan terus mengelirukan rakyat dengan kenyataan yang bukan-bukan,” ka-

tanya.

Dalam pada itu, mengenai majlis hari ini, Md. Alwi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kok Lanas memberitahu, sebanyak 186 murid dari kawasan DUN tersebut menerima sumbangan persekolahan.

“Majlis ini adalah kesinambungan daripada bantuan sebelum ini yang melibatkan lebih 1,000 penerima,” katanya.